

Banjir kilat landa Seksyen 7

SHAH ALAM 15 Nov. - Hujan lebat dan berterusan selama tiga jam sejak pukul 7 pagi mengakibatkan beberapa jalan di Seksyen 7 dan Lebuhraya Persekutuan di Tol Sungai Rasau di sini dinaiki air mencecah kira-kira 0.25 meter.

Penduduk Padang Jawa, Abu Bakar Latif, 42, berkata, hujan lebat itu menyebabkan air naik mendadak di kawasan Jalan Plumbum dekat sini, dan menenggelamkan beberapa buah kereta yang diletak di kawasan tersebut.

"Banyak kereta digenangi air di kawasan Jalan Plumbum tetapi setakat yang saya lihat air tidak mencecah hingga ke lantai kereta.

"Mungkin tempat lain melibatkan air memasuki enjin, saya bernasib baik kerana meletakkan kereta di kawasan agak tinggi," katanya ketika ditemui di Seksyen 7 di sini hari ini.

Bagaimanapun, Ketua Jabatan Bomba dan Penyelamat (JBPM) Selangor, Zon Shah Alam, Penguasa Kanan Bomba II Ahmad Zaidi Safuan berkata, pihaknya tidak menerima sebarang laporan daripada orang ramai berhubung kejadian banjir kilat tersebut.

"Di kawasan tersebut memang biasa berlaku banjir kilat akibat hujan lebat dan air akan surut selepas beberapa jam hujan reda.

"Apa yang boleh saya sahkan, kami tidak menerima sebarang aduan berhubung banjir tersebut untuk kami melancarkan gerakan menyelamatkan," katanya.

Sementara itu, laman web publicinfobanjir.water.gov.my milik Jabatan Pengairan dan Saliran Malaysia mengeluarkan amaran pukul 6 pagi hari ini kepada penduduk Pandamaran Jaya, Taman Mazna, Sungai Kandis, Sungai Rasah di Klang berhubung kejadian banjir yang berlaku di kawasan itu.